

Bahagian perlu -- akur keputusan MT

UM - 5 JAN 2000

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Kesemua 165 bahagian UMNO di seluruh negara perlu akur dengan keputusan Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang mahu hanya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti dalam pemilihan akan datang.

Pemimpin-pemimpin UMNO berpendapat, langkah tersebut penting demi mengelakkan berlakunya perpecahan dan dalam usaha mengukuhkan semula parti setelah menerima tentangan hebat pada pilihan raya umum lepas.

Naib Ketua Wanita UMNO, Datuk Napsiah Omar berkata, setiap ahli dan bahagian UMNO perlu menunjukkan ketiaan mereka kepada parti dengan tidak membuat pencalonan selain daripada dua nama pemimpin berkenaan untuk jawatan tertinggi tersebut.

Katanya, keputusan MT tersebut adalah mukamad dan tidak wajar ditentang kerana ia sebenarnya tidak bercanggah dengan amalan demokrasi dalam parti.

"Bagi saya yang penting soal keutuhan dan kekuatan parti perlu diutamakan.

"Kalau keputusan yang dibuat boleh menguat dan bawa kesejahteraan kepada parti maka ia perlu dipatuhi dan diteruskan," katanya kepada Utusan hari ini.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim berkata, keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Tertinggi UMNO semalam hanya merupakan nasihat dan bukan arahan.

"Bagi sesiapa yang rasa

betul-betul perlu untuk bertanding beliau boleh berbuat demikian. Ini cuma nasihat dan pandangan demi keutuhan parti," katanya.

Bagaimanapun kata Rais, UMNO pada masa sekarang perlu menghindari sebarang bentuk pertandingan kerana ia memerlukan ketenangan bagi memberi ruang kepada pemimpinya untuk membentuk kekuatan.

Kestabilan

"Jika kedua-dua jawatan tinggi parti itu dipilih melalui pertandingan maka kestabilan akan terjejas," katanya.

Menurut beliau, sejarah telah membuktikan bahawa jika berlaku perebutan pada jawatan-jawatan tersebut maka akar umbi juga akan berpecah.

Sementara itu Pengerusi Tetap UMNO, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah pula berpendapat, 'rayuan' MT itu perlu diberi perhatian serius oleh semua cawangan dan bahagian UMNO bagi mengelakkan timbulnya 'keributan' di dalam parti.

Ini kerana, menurut beliau, berdasarkan perlembagaan parti hanya cawangan dan bahagian sahaja yang mempunyai kuasa mencalonkan seseorang individu untuk jawatan berkenaan berbanding MT yang hanya boleh memberi pandangan atau cadangan.

Beliau menegaskan, adalah tidak menjadi ke-salahan jika cawangan atau bahagian mencalonkan individu lain sebagai calon.

Namun begitu, kata beliau, tindakan itu dikhawatiri boleh menimbulkan masalah kepada parti.

"Sebagai Pengerusi Tetap saya adalah berkecuali

dalam soal ini tetapi secara peribadi berpendapat jika tiada pertandingan ia tentunya &an mengukuhkan lagi parti," katanya.

Ahli MT UMNO, Tan Sri Ramli Ngah Talib pula berkata, keputusan yang dibuat oleh MT mengenai perkara itu juga adalah amat tepat dan wajar disokong oleh semua pihak.

Katanya, ahli-ahli parti perlu insaf bahawa kedua-dua jawatan tertinggi UMNO itu tidak seharusnya diganggu gugat.

Pengerusi Kelab Ahli-ahli Parlimen UMNO, Datuk Ruhanie Ahmad berkata, langkah tidak mempertandingkan dua jawatan utama itu akan memberi kestabilan politik dan kekuatan kepada UMNO yang menjadi tunjang kepada Barisan Nasional.

Tambah beliau, jika kedua-dua jawatan tertinggi parti tidak dipertandingkan, pucuk pimpinan dapat menumpukan lebih masa untuk mencari arah baru dan strategi perjuangan parti selaras dengan tuntutan dan cabaran alaf baru.

Di Alor Setar, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Syed Razak Syed Zain berkata, adalah wajar dua jawatan itu dimenangi tanpa bertanding.

"Cadangan itu baik dan seharusnya disokong oleh semua pihak dengan sebulat suara," katanya.

Di Kuantan, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, ia merupakan satu keputusan majlis yang paling bijaksana pernah diambil bagi merapatkan kembali barisan kepimpinan dalam parti.

Beliau berkata, ia penting untuk memastikan segenap jentera kepimpinan UMNO bersatu mengha-

dapi ancaman pembangkang pada alaf baru.

"Pada saya demokrasi dalam UMNO tidak mati sebaliknya terus hidup dengan keputusan terbaru mesyuarat MT supaya dua jawatan tertinggi dalam parti itu tidak dipertandingkan. Malah saya menyokong keputusan itu," katanya.

Di Muar, Ketua UMNO bahagian Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin berpendapat, langkah tersebut adalah untuk memastikan kestabilan yang lebih kuat di kalangan pemimpin parti peringkat tertinggi dan membolehkan mereka yang menjawat jawatan penting itu tanpa halangan.

Terbuka

Katanya, walaupun ada pemimpin UMNO yang akan berpendirian sebaliknya, semua pemimpin UMNO di semua peringkat perlu bersikap lebih terbuka untuk membolehkan mereka yang benar-benar layak terus menerajui parti.

Di Linggi, Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad menyifatkan keputusan itu wajar supaya masalah perpecahan dan perselisihan faham di kalangan ahli dan para pemimpin UMNO tidak berlaku.

"Saya berpendapat keputusan MT itu adalah bijak kerana ia akan menjadikan UMNO lebih kukuh dan ahli UMNO tidak berpecah," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian sambutan Hari Raya kepada fakir miskin di sini, hari ini.